

Nama Suratkhobar : Utusan Malaysia (Segmen Bisnes)

Tarikh: 2 Oktober 2015 (Jumaat)

Mukasurat: 20

Malaysia antara destinasi terbaik kepuasan kerjaya ekspatriat

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Satu kaji selidik dalam kalangan ekspatriat oleh Expat Explorer, HSBC, menyenaraikan Malaysia antara lima destinasi utama bagi kepuasan kerja dengan 55 peratus daripada mereka menyatakan kerja mereka lebih memuaskan sejak berpindah ke sini.

Ketua Negara Perbankan Runcit dan Pengurusan Harta HSBC Malaysia, Lim Eng Seong berkata, satu alasan bagi kepuasan ini ialah mereka mendapati mudah untuk menyesuaikan diri dengan rakan sekerja tempatan mereka.

Beliau berkata, 41 peratus daripada responden di Malaysia menyatakan peluang untuk memperoleh kemahiran baharu di negara ini adalah tinggi.

Katanya, ASEAN merupakan rantau yang mempunyai peluang pelaburan menarik bagi kebanyakan syarikat multinasional.

"Hasil kaji selidik Expat Explorer kami menegaskan lagi potensi amat besar di ASEAN. Komuniti Ekonomi

ASEAN yang akan dibentuk akhir tahun ini mencadangkan pengaliran aliran bebas buruh mahir ke rantau ini dan menerima maklum balas positif dari negara-negara ahli," katanya.

Beliau berkata, bagi ekspatriat dari negara di luar ASEAN, standard kehidupan kondusif di rantau ini merupakan faktor penarik.

"Kebanyakan responden menyatakan faktor mudah untuk bergaul dengan masyarakat tempatan di Malaysia telah meningkatkan kepuasan kerja mereka di sini," katanya.

Beliau berkata, 63 peratus daripada ekspatriat di Malaysia menyatakan mereka menikmati pendapatan boleh guna lebih besar berbanding di negara mereka dan ini menyediakan masa dan wang kepada mereka untuk menjalani kehidupan sosial yang lebih aktif.

"Gaji bagi ekspatriat melebihi purata global lebih AS\$109,000 setahun (RM479,700) dan beberapa

manfaat kontrak biasanya lebih banyak ditawarkan berbanding negara-negara lain," katanya.

Menurutnya, cabaran biasa yang dihadapi ekspatriat termasuklah berurusan dengan kewangan dalam pelbagai mata wang, situasi cukai yang lebih rumit dan menggerakkan wang antara negara.

Katanya, ekspatriat dengan pendapatan tinggi berdepan lebih banyak cabaran dalam menangani wang rentas sempadan mereka.

"Ekspatriat sering menyatakan kewangan mereka menjadi lebih kompleks secara keseluruhannya sejak berpindah ke luar negara. Berurusan dengan pelbagai mata wang merupakan cabaran terbesar bagi 65 peratus daripada kumpulan ini," katanya.

Kaji selidik Expat Explorer, yang dijalankan oleh HSBC Expat dan dikendalikan oleh YouGov, merupakan antara kaji selidik paling besar dan lama yang dijalankan dalam kalangan ekspatriat. - BER-

NAMA